

# Tema 6

# Alam Sekitar

- 
1. Apakah yang anda faham tentang teknologi hijau?
  2. Mengapakah kita perlu memelihara khazanah alam?
  3. Bagaimanakah kita dapat mengekalkan kelestarian alam?

# Teknologi Hijau



## Mendengar dan Bertutur

## Produk Teknologi Hijau

Helmi dan rakan-rakannya mendengar ceramah tentang teknologi hijau. Ceramah itu disampaikan oleh Encik Shahrizul, pegawai dari Jabatan Alam Sekitar.



IMBAS SAYA

Teknologi hijau boleh ditakrifkan sebagai pengurusan sesuatu teknologi yang mesra alam dengan mengambil kira pengekalan alam sekitar dalam proses penggunaan dan juga produk yang dihasilkan.



**Tenaga** – mengurangkan penggunaan tenaga bahan api fosil.



**Ekonomi** – meningkatkan pembangunan ekonomi negara melalui penggunaan teknologi canggih.

### Teras Utama Teknologi Hijau

**Alam sekitar** – mengurangkan kesan pencemaran alam sekitar.

**Sosial** – meningkatkan kualiti hidup rakyat.



## APAKAH AMALAN HIJAU ?

- Sesuatu aktiviti yang memelihara alam sekitar dengan mengurangkan pencemaran.



## BAGAIMANAKAH ?

- Amalan 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*).
- Penjimatian air dan tenaga.
- Pengurangan sisa pepejal.
- Pengangkutan hijau (kongsi kereta).
- Perkhidmatan makanan.
- Tanaman semula pokok.



## FAEDAHNYA ?

- Mengurangkan penggunaan tenaga.
- Menjiamatkan wang.
- Meningkatkan kualiti hidup.
- Mengurangkan penggunaan sumber semula jadi.
- Memulihara dan meminimumkan kesan kepada alam sekitar.



Dengar maklumat yang disampaikan dengan telitinya. Kemudian, sampaikan maklumat tersebut dalam majlis perhimpunan sekolah.

### Aktiviti



- 1.2.1 Menyampaikan maklumat dengan menggunakan pertuturan, gerakan badan, ekspresi muka dan isyarat atau simbol yang bermakna.



## Membaca

# Ciri-ciri Produk Teknologi Hijau



## Kereta Elektrik

**Murah**

Kos penyelenggaraan yang rendah.

**Selamat**

Memiliki ciri-ciri keselamatan yang lebih baik.

**Mesra Alam**

Tidak mencemarkan alam sekitar.

**Senyap**

Kurang pencemaran bunyi.

**Ekonomi**

Penjimatkan kos bahan bakar (petrol).



### Inovatif

Kereta berkuasa elektrik memerlukan bateri yang kecil saiznya tetapi mempunyai kuasa yang tinggi dengan jangka masa penggunaan yang lama. Kereta elektrik bukan sahaja tidak mencemarkan udara tetapi menjimatkan. Pengguna hanya perlu mengecas bateri untuk menggerakkan kenderaan.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada [www.sinarharian.com.my](http://www.sinarharian.com.my))

## Reka bentuk yang sesuai

Konsep pembinaan bangunan pintar merupakan satu ciri teknologi hijau. Bangunan ini dilengkapi dengan sistem penyejuk udara elektrik yang digabungkan dengan kaedah pengudaraan secara semula jadi. Sistem bangunan menggunakan tenaga alternatif seperti tenaga solar bagi mengurangkan kebergantungan pada sumber tenaga sedia ada. Tenaga lain yang diketengahkan adalah seperti kemampuan kitaran semula air dan mengutamakan pencahayaan semula jadi bagi mengurangkan penggunaan lampu.

## Boleh dikitar semula

Penggunaan produk biodegradasi adalah untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar. Inisiatif tersebut bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap bahaya plastik dan polistirena terhadap kesihatan, alam sekitar dan hidupan liar. Produk biodegradasi merupakan produk yang mudah kompos dan diperbuat daripada bahan kitar semula.



(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada majalah *Estidotmy* Edisi 90, Ogos 2009)



Berdasarkan bahan yang dibaca, buat kesimpulan tentang produk teknologi hijau. Hasilkan risalah dan tampalkan pada papan kenyataan.

### Aktiviti



- 2.2.2 Membaca, membuat kesimpulan dan menyampaikan maklumat daripada pelbagai bacaan yang dibaca.



## Menulis

Setiap orang mempunyai tanggungjawab untuk menjaga alam sekitar. Ibu bapa harus menunjukkan teladan yang baik kepada anak-anak supaya mereka akan turut terdorong untuk mengamalkan budaya hijau. Jadikan amalan hijau sebagai budaya hidup.



# Budaya Hijau Amalan Kita

### Kesalahan Ejaan

#### Penjimatan tenaga

- Tutup **suiz** dan cabut plag peralatan elektrik yang tidak digunakan.
- Gunakan peralatan **elektric** yang berlabel kuasa rendah.

#### Perolehan produk hijau

- Utamakan **penggunaan** bahan mesra alam.
- Galakkan penggunaan kereta **hybrid**.

#### Pengangkutan

- Gunakan pengangkutan awam atau berkongsi **kenderan**.
- **Galakan** penggunaan basikal atau berjalan kaki ke sekolah.



Berdasarkan bahan:

1. Betulkan kesalahan ejaan.

2. Susun perkataan agar menjadi ayat yang betul.

### Aktiviti



- 3.3.2 Mengedit hasil penulisan.

### Kesalahan Ayat

#### Perkhidmatan makanan

- **Gunakan pembungkus yang makanan mesra alam.**
- **bekas makanan Bawa sendiri mengisi makanan untuk dan minuman.**

#### Penjimatan air

- **pili air ditutup Pastikan dengan betulnya.**
- **jika dengan segera kebocoran paip. Buat aduan atau terdapat kerosakan.**

#### Landskap

- **di persekitaran rumah, Menanam pokok sekolah dan bangunan.**
- **berfungsi sistem perparitan Pastikan dengan baiknya.**



## Mendengar dan Bertutur

## Khazanah Alam

Biodiversiti ialah kepelbagaian spesies tumbuhan dan haiwan dalam persekitaran semula jadinya. Negara kita mempunyai pelbagai jenis tumbuhan dan haiwan serta habitat yang unik seperti paya bakau, sungai dan tanah tinggi. Malaysia merupakan habitat kepada bunga yang terbesar (*Rafflesia hasseltii*), pokok tropika tertinggi (pokok tualang) dan penghuni pokok yang terberat di dunia (orang utan).



IMBAS SAYA

(Sumber: Kementerian Tenaga dan Sumber Asli)

## Kekayaan

**BIODIVERSITI  
NEGARA****60% – 70%**Daripada jumlah  
biodiversiti dunia**160 000**spesies fauna terdapat  
di Malaysia15 000  
spesies  
tumbuhan berbunga536  
spesies  
pokok palma4449  
spesies ikan air  
tawar dan masin2012  
spesies tumbuhan  
paku pakis306  
spesies  
mamalia liar3000  
spesies orkid242  
spesies amfibia567  
spesies  
reptilia742  
spesies  
burung150 000  
spesies  
invertebrata(Sumber: [www.planmalaysia.gov.my/kompendium](http://www.planmalaysia.gov.my/kompendium))

## Aktiviti

Dengar maklumat yang disampaikan dengan teliti. Kemudian, sampaikan maklumat tersebut dalam bentuk syarahan.



- 1.2.2 Mendengar dan menyalurkan maklumat yang diterima daripada pelbagai sumber dalam pelbagai bentuk.



# Terumbu Karang

Malaysia memiliki banyak pulau yang cantik seperti Pulau Sipadan di Sabah dan Pulau Perhentian di Terengganu. Pulau-pulau ini menjadi destinasi percutian yang terkenal kerana memiliki pantai yang cantik dan bersih. Selain itu, pengunjung dapat melakukan aktiviti menyelam dan bersnorkel bagi menikmati keindahan khazanah semula jadi laut.

Antara khazanah semula jadi laut yang amat berharga termasuklah terumbu karang. Terumbu karang menyediakan tempat berlindung kepada haiwan seperti penyu dan menjadi bekalan makanan yang sangat banyak kepada ikan. Terumbu karang juga dapat menghalang kejadian hakisan pantai. Hal ini terjadi demikian kerana terumbu karang dapat mengurangkan had laju ombak yang memukul pantai.

Terumbu karang yang sihat dapat menyediakan habitat yang selamat kepada semua hidupan marin. Menurut kajian para saintis, manusia merupakan satu faktor penyumbang kepada kerosakan terumbu karang. Kegiatan pencemaran yang berpunca daripada pembuangan sampah sarap, sisa toksik dan bahan kumbahan ke laut boleh menjadikan kehidupan terumbu karang.

## Lokasi Terumbu Karang di Malaysia

- Pulau Perhentian
- Pulau Lang Tengah
- Pulau Redang
- Pulau Kapas
- Pulau Tenggol



(Sumber: Jabatan Taman Laut Malaysia)

Langkah pemuliharaan terumbu karang bagi mengekalkan ekosistem adalah seperti yang berikut:



Melakukan kegiatan bersnorkel dan menyelam dengan berhati-hati.



Jangan membuang sampah di pantai dan di laut.



Jauhi aktiviti menangkap ikan atau belayar berdekatan dengan terumbu karang.



Jangan menyentuh terumbu karang.



Elakkan membeli cenderamata hasil daripada terumbu karang.



**Aktiviti**

- Berdasarkan pelbagai bahan, baca dan fahami maklumat yang disediakan.
- Apakah peranan anda dalam aktiviti pemeliharaan terumbu karang?



- 2.1.2 Membaca untuk mendapatkan maklumat yang terdapat dalam pelbagai bahan.



Menulis

# Kepupusan Flora dan Fauna

Masalah kepupusan flora dan fauna disebabkan oleh beberapa faktor ancaman seperti aktiviti manusia, bencana alam dan pencemaran. Terdapat beberapa spesies haiwan dan tumbuhan yang semakin berkurangan dan akan mengalami kepupusan jika tidak diambil tindakan pemeliharaan dan pemuliharaan.

Haiwan



Burung merak

Tumbuhan



Periuk kera



Seladang

Bunga pakma (*Rafflesia hasseltii*)

Gajah



Pokok bakau

Faktor ancaman	Cara mengatasinya
Aktiviti manusia	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembalakan haram.</li> <li>• Pemburuan haiwan.</li> <li>• Penerokaan kawasan untuk pertanian, pembangunan dan perindustrian.</li> <li>• Pembinaan jalan raya.</li> </ul>
Pencemaran alam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Air <ul style="list-style-type: none"> <li>- tumpahan minyak.</li> <li>- pembuangan sampah dan toksik.</li> </ul> </li> <li>• Udara <ul style="list-style-type: none"> <li>- asap daripada kilang dan pembakaran hutan.</li> </ul> </li> <li>• Tanah <ul style="list-style-type: none"> <li>- pembuangan sampah dan toksik.</li> </ul> </li> </ul>
Bencana alam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Banjir.</li> <li>• Gempa bumi.</li> <li>• Ribut taufan.</li> <li>• Kebakaran hutan.</li> </ul>

(Sumber: Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM))



### Aktiviti

Berdasarkan bahan, tulis maklumat yang disediakan dalam bentuk infografik.



3.4.1 Menulis dan mereka cipta bahan grafik.



## Penilaian

Berdasarkan gambar, senaraikan flora dan fauna.

1



2



3



4



5



6



Bil.	Flora	Fauna
1.		
2.		
3.		



## Mendengar dan Bertutur

Pengurusan  
Sisa Pepejal

Isu pengurusan sisa pepejal yang tidak diurus dengan baiknya telah menjadi masalah pada peringkat nasional. Oleh hal yang demikian, pada 1 September 2015, kerajaan telah mula menguatkuasakan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 bagi mengurus sisa pepejal yang semakin banyak.

(Sumber: [www.myhealth.gov.my](http://www.myhealth.gov.my))Pengasingan  
Sisa PepejalApakah yang  
perlu diasngkan?

## Jadual Kutipan Sisa Pepejal

1x



Kutipan sisa kitar semula akan dilakukan sekali seminggu.

2x



Kutipan sisa baki akan dilakukan dua kali seminggu.

Tiga  
Langkah  
Mudah1 Asingkan  
mengikut jenis2 Simpan  
sementara  
dalam bekas  
yang sesuai3 Letakkan  
di tepi  
tong sampah  
pada hari  
kutipan

## Sisa Kitar Semula

1. Kertas
2. Plastik
3. Lain-lain:
  - i. tin aluminium/besi/logam
  - ii. kaca/seramik
  - iii. bahan fabrik/kasut/getah/kulit
  - iv. sisa elektronik/barang elektrik kecil
  - v. sisa berbahaya

## Sisa Baki

1. Sisa dapur
2. Sisa makanan
3. Bahan-bahan kotor
4. Lampin pakai buang



(Sumber: Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam)



## Aktiviti

Dengar maklumat yang disampaikan dengan teliti. Kemudian, berikan pendapat anda tentang cara pengurusan sisa pepejal di kawasan anda.



- 1.2.3 Mendengar dan mendapatkan maklum balas tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber.



Membaca

# Projek Baja Kompos

## Pengenalan

Kompos ialah sejenis baja yang diperbuat daripada bahan organik. Bahan-bahan tersebut direputkan oleh mikroorganisma dalam keadaan beroksigen. Proses pereputan ini penting kerana sisa organik ditukarkan daripada bahan pencemar alam kepada bahan yang berguna dan menguntungkan. Hasil daripada proses ini dapat memberikan impak baik kepada alam sekitar. Kompos digunakan sebagai baja semula jadi dalam aktiviti pertanian.

(Sumber: [www.mbsp.gov.my](http://www.mbsp.gov.my))



## Matlamat projek

Menggalakkan murid sekolah mengitar semula sisa buangan daripada dapur kantin atau hasil pertanian untuk dijadikan baja kompos. Baja ini dapat dimanfaatkan dalam projek tanaman yang sedia ada atau yang baharu diusahakan di sekolah.

## Objektif Projek

- Memastikan persekitaran sekolah bebas daripada pencemaran bau sisa buangan kantin sekolah.
- Menggalakkan murid mencintai alam sekitar melalui aktiviti kitar semula sisa bahan buangan.
- Mewujudkan sikap bertanggungjawab dalam kalangan murid untuk menjaga alam sekitar.
- Menggalakkan warga sekolah memelihara kualiti alam sekitar melalui aktiviti kitar semula bahan-bahan buangan.

Cara penyediaan baja kompos:



Memasukkan tanah ke dalam bekas polistirena.



Mencampurkan sisa dapur.



Hasil tanaman yang menggunakan baja kompos.



Menuangkan campuran sisa dapur ke dalam bekas polistirena.



Baja kompos yang dihasilkan.



Memeram campuran tanah dan sisa dapur selama dua minggu.



1. Baca dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.
2. Nyatakan kebaikan baja kompos.

### Aktiviti



- 2.1.1 Membaca dengan sebutan yang betul.



## Menulis

# Mari Kitar Semula

Terdapat beberapa kebaikan program kitar semula yang diperkenalkan kepada masyarakat. Antara kebaikannya termasuklah kita dapat mengelakkan pencemaran alam sekitar. Melalui program kitar semula, bahan-bahan buangan seperti kertas, kaca dan plastik akan dikumpulkan dan dihantar ke kilang kitar semula. Oleh hal yang demikian, alam sekitar akan menjadi bersih kerana bahan buangan tidak dibuang sesuka hati ke dalam semak, sungai atau laut.

## Kami Menerima dan Membeli Barang Kitar Semula Jenis:



Bil.	Bahan kitar semula
1.	Majalah
2.	Botol plastik berwarna (syampu, sabun mandian, minyak masak dan lain-lain)
3.	Paip PVC
4.	CD
5.	Bateri (kereta, motosikal, mengecas semula)
6.	Gangsa
7.	Tembaga
8.	Keluli tahan karat
9.	Televisyen
10.	Komputer

### Maklumat:

- Kadar harga dinilai melalui pengasingan barang.
- Barang kitar semula yang tidak diasingkan akan dikira secara pukal dan murah.
- Harga belian mengikut kadar pasaran semasa.

### Perkhidmatan lain:

- Menerima lawatan dan pendidikan.
- Menjual baja kompos dan campuran.

### Waktu operasi:

Masa: 9:00 pagi – 4:00 petang

Hari: Isnin – Jumaat

Rehat: 12:30 tengah hari – 2:00 petang

Tutup: Sabtu dan Ahad



Pusat kitar  
Semula  
Desa Kasturi



### Aktiviti

Tulis sepuuk surat rasmi bagi menghebahkan maklumat tentang operasi pusat pengumpulan bahan kitar semula kepada penduduk di kawasan tempat tinggal anda.






## Jom Berkomunikasi


- A. Berikan pendapat anda tentang langkah-langkah memelihara khazanah alam.




Persisiran pantai



Hutan simpan



Terumbu karang



Sungai bersih

- B. Berdasarkan gambar, terangkan cara mengurus bahan-bahan tersebut supaya tidak mencemarkan alam sekitar.



kaca



sisa makanan



logam

## Bahan Buangan Sisa Domestik




plastik



kertas

# Tema 7

# Ekonomi



1. Nyatakan ciri-ciri usahawan yang berjaya.
2. Apakah kriteria yang anda perlukan dalam memilih rakan kongsi niaga?
3. Sejauh manakah anda bijak menguruskan kewangan?



## Mendengar dan Bertutur

Bengkel  
Interaktif

Haris dan rakan-rakan menghadiri Seminar Melangkah ke Alam Usahawan. Beberapa panduan dikongsikan untuk persiapan diri dan hala tuju terhadap bidang yang akan diceburi.



Panduan persiapan diri sebelum menceburi bidang kerjaya:

- Memilih bidang yang diminati.
- Mahir dalam bidang yang diceburi.
- Berpandangan jauh.
- Sentiasa berfikiran positif.
- Tidak mudah berputus asa.
- Berani menghadapi risiko.



Saya berhasrat untuk membuka perniagaan membekalkan bahan-bahan kek dan peralatan bakeri.

**Izzah Aqilah**



Saya mempunyai modal yang sedikit. Saya akan memulakan jualan cenderamata secara kecil-kecilan.

**Ilya Adriana**



Saya bercita-cita untuk membuka kedai percetakan.

**Iman Emily**



Saya ingin bekerja dahulu untuk mengumpul modal bagi membuka perniagaan butik pakaian.

**Ashfinie Lynia**



**Aktiviti**

Berdasarkan bahan, sampaikan panduan persiapan diri anda sebelum menceburi bidang kerjaya.



1.3.1 Menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara.



Membaca

# Perancangan Kerjaya

Saiful berminat dalam bidang usahawan komputer. Dia berhasrat menjadi seorang usahawan komputer yang berjaya pada masa hadapan.

## Ciri-ciri yang diperlukan untuk menceburi bidang usahawan komputer

- 1 Minat yang mendalam.
- 2 Mahir dalam bidang komputer.
- 3 Mempunyai kreativiti dalam memperkembang sistem yang sedia ada bagi memenuhi keperluan semasa.
- 4 Bertanggungjawab membangunkan program baharu dalam sistem komputer.
- 5 Rajin dalam memberikan latihan dan bantuan teknikal kepada pengguna.
- 6 Mempunyai pengetahuan dalam bidang pengurusan kewangan.

### Kelayakan yang dimiliki oleh Saiful

- 1 **Pendidikan**  
Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).  
Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).


- 2 **Perwatakan terpuji**  
Bertanggungjawab, gigih, amanah, jujur dan menghormati orang lain.

- 3 **Kemahiran berkomunikasi**  
Sopan ketika berinteraksi, berfikiran terbuka dan peka terhadap perasaan orang lain.

Saiful memiliki kemahiran dalam bidang komputer.

TEMA  
7

Ekonomi



Pengaturcaraan



Pengurusan grafik



Pengurusan data



Penyelenggaraan



Aktiviti

Berdasarkan bahan, baca dan sampaikan maklumat kepada rakan anda tentang ciri-ciri dan kelayakan untuk menceburji bidang komputer.



- 2.1.3 Membaca dan menyampaikan maklumat yang diperoleh daripada bahan bacaan.



## Menulis

# Impian Fikri

Fikri mempunyai sebidang tanah pusaka. Dia mengusahakan tanaman kelapa secara komersial. Tanaman kelapa yang diusahaannya dapat menghasilkan pelbagai produk dan memberikan pulangan yang lumayan.



air kelapa

## Produk Berasaskan Kelapa



gula melaka



santan



air nira



## Aktiviti

Berdasarkan bahan, bina pelbagai ayat yang betul dan bermakna.





## Mendengar dan Bertutur

Perniagaan secara perkongsian memerlukan rakan niaga yang bermotivasi, mempunyai semangat keusahawanan dan berkolaboratif bagi menentukan kejayaan sesebuah syarikat perniagaan.



## Jenis Perniagaan

- Bakeri
- Produk palet
- Dobi
- Label nama



## Aktiviti

Dengar kod QR dengan telitinya. Kemudian, sampaikan maklumat dengan betulnya dan tepatnya.



- I.I.I Mendengar dan menyampaikan semula maklumat yang diterima dengan betul dan tepat.

## Pilihlah yang Tepat



IMBAS SAYA

TEMA  
1

Ekonomi

## Rakan niaga

Kriteria yang perlu dilihat sebelum memilih rakan niaga dalam perniagaan.

- Berpengalaman.
- Kemahiran berkomunikasi.
- Komitmen yang tinggi.
- Jujur dan amanah.
- Rangkaian perniagaan yang luas.
- Perkongsian modal.





Membaca

## Perabot Papan Palet

Ganesan dan Hanafi pernah bekerja di sebuah kilang perabot yang terkenal. Berdasarkan pengalaman dan minat yang sama, Ganesan dan Hanafi menjadi rakan niaga dalam bidang perabot berasaskan papan palet. Pelbagai jenis perabot kreatif telah dihasilkan oleh mereka.



- Rak ini sesuai digunakan untuk meletakkan buku dan barang hiasan.



- Meja kopi sesuai digunakan sebagai sebahagian daripada set sofa di ruang tamu.




- Rak penyimpanan serba guna ini sesuai untuk meletakkan barang agar ruang di dalam rumah kelihatan tersusun dan kemas.

Selain risalah, Hanafi dan Ganesan turut mempromosikan perabot mereka dalam laman sesawang.

# Murah tetapi mewah

produk perabot papan palet

- katil/tilam
- set sofa
- meja makan
- kabinet dapur
- meja sudut



Sebarang pertanyaan dan tempahan boleh hubungi kami melalui talian 011-12345678



Berdasarkan bahan yang dibaca, sampaikan maklumat menggunakan laras bahasa yang sesuai.

## Aktiviti



- 2.1.4 Menyampaikan maklumat daripada pelbagai bahan yang dibaca dengan laras bahasa yang sesuai.



Menulis

# Jahitan Kreatif

Puvana dan Nadia menghasilkan pelbagai jenis jahitan kreatif. Pada setiap minggu, mereka menjual hasil jahitan kreatif di pasar malam. Puvana dan Nadia juga membina satu blog dalam laman sesawang mereka untuk mempromosikan lagi produk mereka.

[Laman utama](#)[Tentang](#)[Hubungi](#)

Beg duit  
RM5.00



Kipas  
RM10.00



Beg galas  
RM25.00



Bekas alat tulis  
RM20.00

Puvana dan Nadia sering menerima pesanan barang daripada pelanggan. Setiap minggu, mereka akan menerima pesanan secara dalam talian.

## Borang Pesanan

Jahitan Kreatif,  
No. 24, Jalan Damai,  
70450 Seremban.  
Tel: 06-12345678  
[jahitankreatif@gmail.com](mailto:jahitankreatif@gmail.com)

No. 3301

Tarikh: 16 Julai 20 □□

Sila bekalkan barang berikut:

Bil.	Perkara	Kuantiti	Harga Seunit RM	Jumlah RM
<b>Jumlah</b>				

Ringgit Malaysia: \_\_\_\_\_

### Penerima

Pengurus




Berdasarkan bahan, bina risalah mengikut kreativiti anda dan sebarkan.

# Aktiviti



3.1.3 Menyebar maklumat berdasarkan bahan yang ditulis.

Terima kasih kerana  
memilih produk kami.  
Sila isi borang pesanan  
dalam talian ini dan  
e-mel kepada  
[jahitankreatif@gmail.com](mailto:jahitankreatif@gmail.com).





## Penilaian

Bincangkan kelebihan perkongsian dalam perniagaan bersama-sama dengan rakan anda.

**1**

Mudah mendapat sumber kewangan.

- Bilangan rakan kongsi yang ramai mudah untuk mendapatkan modal yang banyak.

**2**

Persepakatan bersama.

- Tidak melibatkan prosedur yang rumit.

**3**

Kemahiran pengurusan yang pelbagai.

- Setiap rakan kongsi mempunyai pengalaman yang berbeza.

**4**

Penjimatan bayaran cukai.

- Cukai yang dikenakan ialah cukai perniagaan.

**5**

Berkongsi risiko.

- Risiko perniagaan akan ditanggung bersama.

# Tokoh Usahawan



## Mendengar dan Bertutur

Jejak  
Jutawan

Siew Lin dan Sera berbincang tentang tugas folio yang perlu disiapkan oleh mereka. Mereka mencari maklumat tentang usahawan Orang Kurang Upaya (OKU) yang berjaya dalam perniagaan.

TEMA  
1

Ekonomi



**Fariz bin Abdul Rani**

OKU fizikal  
dari Sabah.

Pemilik syarikat  
perniagaan  
Orthovive Sdn. Bhd.  
yang membekalkan  
dan menjual  
kerusi roda.

Pernah memenangi  
Pertandingan Perniagaan  
Luar Bandar  
(Rural Business Challenge-RBC)  
anjuran Kementerian  
Kemajuan Luar Bandar  
dan Wilayah.

Pengusaha kilang  
pembuatan kerusi roda.

(Sumber: [Usahawanokuberjaya.blogspot.com](http://Usahawanokuberjaya.blogspot.com))



Aktiviti

Berdasarkan bahan, bincangkan perihal tokoh usahawan OKU yang berjaya dengan rakan anda.



1.4.1 Berbincang dan bersoal jawab menggunakan amalan komunikasi berkesan.



## OKU yang Proaktif dan Produktif

- Kebanyakan Orang Kurang Upaya (OKU) mempunyai motivasi dalaman yang tinggi. YM Raja Shamri bin Raja Husin atau lebih mesra disapa sebagai Abang Raja merupakan contoh OKU yang mempunyai semangat juang yang tinggi. Beliau dilahirkan pada 12 Mac 1975 di Kampung Wakaf Bunut, Pasir Puteh, Kelantan. Beliau dilahirkan tanpa sebelah kaki, manakala jari-jari tangannya melekat. Namun, semua itu tidak menjadi alasan untuk beliau berjaya dalam pelajaran.
- Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Kampung Raja, Pasir Puteh sebelum menyambung pelajaran ke Sekolah Menengah Sains Machang, Kelantan. Berkat kegigihan, beliau mendapat kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dan ditawarkan ke Maktab Rendah Sains MARA Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan. Kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia telah melayakkan beliau untuk menyambung pelajaran ke Universiti Northern Arizona, Amerika Syarikat dalam bidang Pentadbiran Perniagaan.
- Pada tahun 2000, beliau telah menubuhkan Syarikat Golden Minds Consultant yang menawarkan program latihan korporat dan motivasi untuk sektor awam dan swasta. Sehingga kini, bilangan peserta yang telah mengikuti program tersebut melebihi sejuta orang. Beliau adalah antara pakar motivasi Melayu yang disegani kerana usaha dan prinsipnya yang sering dikongsi dalam setiap program yang dianjurkan.
- Beliau juga aktif dalam kerja-kerja sukarelawan dan banyak memberikan bantuan serta sumbangan kepada masyarakat. Beliau tidak menjadikan kekurangan yang dimiliki sebagai alasan untuk tidak membantu golongan yang memerlukan.



## Anugerah

- Tokoh Anak Muda Negeri Kelantan (kategori kebajikan).
- Tokoh Bekas Pelajar MRSM Kebangsaan (kategori kemanusiaan).
- Anugerah Wira Rakyat oleh kerajaan negeri Kelantan.
- Ikon Belia Negeri Kelantan oleh Majlis Belia Malaysia.
- Tokoh Wira Rakyat oleh kerajaan negeri Kelantan.



## Penglibatan dan Sumbangan

- Pengasas NGO Gerakan Kemanusiaan The 3rd Force.
- Usahawan OKU yang terlibat dalam pelbagai sektor perniagaan antaranya latihan, hartanah dan makanan kesihatan.
- Beliau merupakan atlet memanah paralimpik dan jurulatih yang diiktiraf oleh Majlis Sukan Negara (MSN) untuk melatih OKU B40 dalam sukan memanah.
- Pengasas Seni Bela Diri OKU (*Martial Art for Disabled*).
- Beliau pernah menjadi pengacara rancangan Al-Ustaz: Slot Jom Jadi Orang Baik-baik.
- Penulis buku *Jom Jadi Orang Baik-baik*.

*"Buat orang lain gembira ... anda akan turut gembira ... Bantu orang lain berjaya, anda akan turut mengecapi kejayaan ..."*

Raja Shamri bin Raja Husin



Berdasarkan pelbagai bahan yang dibaca, senaraikan kejayaan yang dikehendaki oleh YM Raja Shamri bin Raja Husin.

## Aktiviti

- 2.1.2 Membaca untuk mendapatkan maklumat yang terdapat dalam pelbagai bahan.



### Menulis

## Raw Denim House (RDH)

Ahmad Safuan Nizam bin Kamarudin merupakan OKU yang mengalami masalah penglihatan pada mata sebelah kanan. Beliau memulakan perniagaan pada tahun 2011 bersama-sama dengan abang dan seorang sahabat baiknya. Beliau memulakan perniagaan di rumah dengan modal RM2000.00 untuk menghasilkan sehelai seluar jean. Studio RDH yang terletak di Jerteh, Terengganu merupakan kedai pertama yang berjaya dibuka oleh Ahmad Safuan Nizam. Kini, beliau telah berjaya membuka beberapa buah kedai. Pengeluaran seluar jean Raw Denim House telah mendapat sambutan di seluruh dunia.

### Pengalaman dalam Bidang yang Diceburi

- Minat yang mendalam terhadap fesyen pakaian, terutamanya pembuatan jean.
- Mengambil kursus jahitan jean di dalam dan di luar negara.

### Konsep Jahitan

- Pengeluaran jean Raw Denim House lebih kepada pembuatan tangan atau lebih dikenali dengan nama *bespoke jeans*.
- Menggunakan mesin jahit klasik 1940 dan 1950 dari Amerika Syarikat dan Jepun.
- Menggunakan Konsep 3R (*reduce, reuse, recycle*). Lebihan kain dan seluar yang rosak akan dijadikan jaket dan topi supaya masalah pembaziran dapat dikurangkan.

### Cara Pemasaran

Tempahan boleh dibuat secara dalam talian menerusi laman Facebook dan Instagram atau datang sendiri ke studio RDH.

### Sasaran

RDH berhasrat untuk menubuhkan Akademi RDH bagi melahirkan lebih ramai pelatih mahir dalam pembuatan pakaian denim untuk pasaran tempatan dan luar negara.



Amirul merupakan seorang wartawan daripada majalah *Usahawan Muda*. Beliau telah mewawancara Ahmad Safuan Nizam bin Kamarudin.

Wartawan: Bilakah Encik Safuan menukuhan perniagaan RDH?

Encik Safuan: \_\_\_\_\_

Wartawan: \_\_\_\_\_?  
\_\_\_\_\_?

Encik Safuan: Saya amat meminati fesyen pakaian, terutamanya pembuatan jean dan sebab itulah saya mengambil kursus jahitan.

Wartawan: Bagaimanakah Encik Safuan mempromosikan produk jean RDH?

Encik Safuan: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Wartawan: Apakah perancangan Encik Safuan pada masa hadapan?

Encik Safuan: \_\_\_\_\_

Wartawan: Setakat ini sahaja wawancara kita kali ini. Terima kasih sekali lagi kerana Encik Safuan sudi meluangkan masa.

Encik Safuan: \_\_\_\_\_.



### Aktiviti

Berdasarkan bahan, lengkapkan wawancara. Kemudian, sampaikan maklumat tersebut kepada rakan anda dengan menggunakan bahasa yang santun.



- 3.3.1 Menulis untuk menyampaikan maklumat yang tepat menggunakan bahasa yang santun.



## Jom Berkommunikasi

TEMA  
7

Ekonomi

Main dan jawab.

**MULA**

1

Apakah kerjaya yang menjadi pilihan anda?

2

Mara dua petak

3

Diam di sini

Alat permainan

- dadu
- token



8

Terus ke petak 13

7

Undur dua petak

6

Apakah ciri-ciri rakan niaga yang boleh anda percaya?

5

Hilang satu pusingan

9

Hilang satu pusingan

10

Siapakah usahawan OKU yang anda tahu?

11

Undur satu petak

12

Mula semula

13

Apakah strategi kejayaan dalam perniagaan?

### Peraturan permainan

1. Peserta dibenarkan membuat sekali balingan sahaja.
2. Lambung dadu mengikut giliran.
3. Gerakkan token mengikut bilangan angka pada dadu yang dilambung.
4. Murid akan hilang satu pusingan sekiranya tidak dapat menjawab soalan dengan tepatnya.
5. Murid yang tiba dahulu di petak TAMAT, dianggap sebagai pemenang.

**TAMAT**

## Tema 8

# Sains, Teknologi dan Inovasi



1. Apakah kelebihan perniagaan dalam talian?
2. Bagaimanakah bidang sains dan teknologi dapat memberikan manfaat kepada bidang kesihatan?
3. Sejauh manakah sains dan teknologi memberikan manfaat kepada manusia?



## Mendengar dan Bertutur

## E-Perniagaan

Teknologi memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia. Teknologi bukan sahaja melibatkan literasi komputer tetapi digunakan dalam proses komunikasi yang berfungsi untuk menyampaikan maklumat dalam bidang perniagaan. Kemajuan teknologi telah berjaya meningkatkan daya saing dalam perniagaan di seluruh dunia. E-perniagaan merupakan satu bidang perniagaan dalam talian yang diperkenalkan bagi membantu para usahawan memasarkan produk mereka.



## Faedah E-Perniagaan

Menjimatkan kos.

Urusan jual beli dapat dijalankan dengan mudahnya dan cepatnya.

Maklumat dapat disampaikan dengan pantasnya.

Pengantarabangsaan.

Meningkatkan produktiviti.

Berkongsi stok dengan pantasnya.

Berkongsi dan menyebarkan maklumat.

Menaikkan imej dan kredibiliti usahawan.



### Aktiviti

1. Teliti bahan yang disediakan.
2. Bagaimanakah e-perniagaan mampu memasarkan produk seseorang usahawan? Berikan pendapat anda.



- I.3.3 Memberi pandangan dengan menggunakan maklumat yang sahih semasa berkomunikasi.



## Membaca

# Yang Mana Satu?

Liza dan Karen merupakan sahabat baik. Namun demikian, mereka berdua mempunyai pandangan yang berbeza tentang kaedah pembelian barang. Liza lebih suka membeli barang secara konvensional, manakala Karen suka membeli barang dalam talian. Karen berpendapat, pembelian secara dalam talian merupakan satu kaedah yang sangat memudahkan pengguna.

## Di Hujung Jari

Nukilan: *Sofia Zulaikha*

“Mengapa perlu bersusah payah beratur di kaunter? Duduk di rumah sahaja pun boleh membeli-belah. Sebut sahaja apa-apa keperluan yang diperlukan, semuanya ada. Makanan, pakaian, komputer, perhiasan dan macam-macam lagi. Cuma perlu sediakan duit,” ujar Karen sambil meneliti barang yang dijual menerusi telefon bimbitnya.

“Saya masih lagi berbelanja mengikut cara lama, Karen. Saya tidak pandai membeli barang dalam talian ini. Lagipun, saya lebih suka memilih barang di hadapan mata saya. Barulah saya berpuas hati. Boleh juga saya tawar-menawar harga yang ditetapkan. Kalau saya membeli barang dalam talian, sudah tentu harga yang ditawarkan merupakan harga mati,” balas Liza sambil tersenyum.

“Mengapa awak nak bersusah-susah? Kemudahan sudah ada di hadapan mata. Kita mestilah mengikut perkembangan semasa. Orang lain sudah lama membuat pembelian secara dalam talian tetapi awak masih mengikut cara lama.”

“Saya setuju dengan pendapat kamu, Karen. Saya cuma berhati-hati ketika membuat pembelian. Jika barang yang saya perlukan tiada di pasaran, mungkin saya akan membeli barang secara dalam talian pula.”



**Suara Pembaca**

April

18/04/2020

www.berita.com

• Ekonomi • Teknologi • Budaya

"Teknologi di negara kita semakin maju. Apa-apa sahaja yang ingin kita beli, mudah kita dapat. Dengan menggunakan hujung jari sahaja, kita mampu mendapat apa-apa sahaja yang kita hajati. Saya sangat berpuas hati apabila membeli barang dalam talian."

- Puan Ezuani Ibrahim

Aktiviti

- Baca dan fahami petikan.
- Berdasarkan bahan, cari persamaan dan perbezaan maklumat. Kemudian, rumuskan maklumat dalam bentuk pengurusan grafik.

2.2.1 Membaca untuk membanding beza dan merumus sesuatu maklumat daripada pelbagai bahan bacaan.

CELCOM Stay Safe 9:59 AM 88%

Hantar

Raikal Iskandar

Pembelian dalam talian memang amat mudah. Kita boleh membeli-belah pada bila-bila masa sahaja. Tidak perlu keluar dari rumah. Lagipun kebanyakan butik dalam talian akan menawarkan harga produk mereka dengan harga yang lebih murah.

I minggu Suka Balas

Cik Elisa Tan

Saya lebih suka membeli barang secara konvensional. Pengalaman kawan-kawan yang ditipu ketika membeli barang dalam talian, membuatkan saya lebih berhati-hati. Ketika membeli-belah, saya lebih suka memilih sesuatu barang dengan telitinya, menyemak dan membandingkan harga serta tawar-menawar. Jika membeli barang dalam talian, saya tidak boleh berbuat demikian.

7

131 KPM



## Menulis

# Pantas

Joshua dan abangnya mahu pergi ke Shah Alam. Dia ingin menggunakan perkhidmatan kereta sewa. Abang Joshua telah memesan perkhidmatan kenderaan secara dalam talian.

**BERITA** 03/05/2020 ■■■  
www.berita.com

- Ekonomi
- Teknologi
- Budaya


## Sistem Aplikasi Pantas

**KUALA LUMPUR:** Para pengguna sistem Pantas sangat berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan. Dengan harga yang berpatutan, para pengguna tidak akan tertipu kerana mereka harus muat turun aplikasi yang wajib diakses terlebih dahulu. Para pengguna telah sedia maklum kos yang perlu dibayar sebelum membuat tempahan. Pengguna perkhidmatan ini juga berpuas hati dengan tahap kebersihan dan keselesaan yang disediakan. Syarikat yang mengendalikan aplikasi ini telah menetapkan bahawa kenderaan yang digunakan bagi perkhidmatan ini tidak melebihi lima tahun. Selain perkhidmatan di hujung jari, tawaran diskauan yang diberikan oleh syarikat juga mampu menarik perhatian pengguna untuk menggunakan sistem aplikasi Pantas. Akhir sekali, ketiadaan sebarang caj tambahan menyebabkan para pengguna lebih berpuas hati dan memilih sistem aplikasi Pantas.

### CARTA ALIR PENGGUNAAN SISTEM APLIKASI PANTAS



- Mendaftar masuk dalam aplikasi.
- Menaip lokasi yang hendak dituju (pastikan lokasi tersebut mudah dicari) dan menempah kenderaan.
- Muat turun aplikasi dalam talian.



1. Baca bahan dengan telitinya. Kemudian, catatkan kelebihan sistem aplikasi Pantas.

2. Susun langkah-langkah penggunaan sistem aplikasi Pantas mengikut urutan.



3.1.2 Mencatat maklumat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber.

### Aktiviti




Mendengar dan Bertutur

## Pertandingan Robotik

**TEMA 8**

Kamal melayari Internet. Dia melihat satu iklan pertandingan robotik pada peringkat negeri. Kamal ingin mengajak rakan-rakannya menyertai pertandingan tersebut. Kamal berkongsi iklan tersebut dengan rakan-rakannya.

### Pertandingan ROBOTIK



**Kategori pertandingan:**  
**Kategori A**  
(13 hingga 15 tahun)  
**Kategori B**  
(16 hingga 19 tahun)

**Tema:**  
Revolusi Industri  
**Tarikh Pertandingan:**  
20 – 25 Julai 2020

**Syarat-syarat penyertaan:**

1. Berkumpulan.
2. Daftarkan pasukan anda di laman web [www.robotik4.0.com](http://www.robotik4.0.com)
3. Tarikh tutup pendaftaran: 30 Mei 2020



**Aktiviti**

1. Dengar kod QR dengan telitinya untuk mendapatkan maklumat tentang pertandingan robotik.
2. Berunding untuk membincangkan penyertaan kumpulan anda dalam pertandingan tersebut.



- 1.4.2 Berunding, berinteraksi dan memberi respons dengan menggabungkan komunikasi bukan lisan dan lisan.

## Membaca



# Teknologi dan Kesihatan

Shazila, Kah Hwa dan Neela dikehendaki menyediakan bahan bacaan bagi aktiviti Minggu Sains dan Teknologi di sekolah mereka. Bahan-bahan yang diperoleh akan dipamerkan untuk bacaan warga sekolah. Mereka sepakat memilih tema Teknologi dan Kesihatan bagi menyiapkan tugas mereka.

TEMA  
8

Sains, Teknologi dan Inovasi



## Pengimbas Suhu Inframerah Tanpa Sentuh (Non-Contact Infrared Thermometers)




Pengimbas suhu ini digunakan untuk mengimbas suhu badan manusia bagi mengesan penyakit atau keadaan perubatan. Alat ini direka untuk mengesan dan menyerap isyarat sinaran inframerah dari permukaan kulit yang diubah menjadi isyarat elektrik. Litar elektronik dalam pengimbas suhu ini memproses isyarat elektrik tersebut untuk menentukan suhu tubuh manusia yang diukur dan memaparkannya pada skrin paparan.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memaklumkan bahawa tiada kesan sampingan penggunaan pengimbas suhu inframerah kepada para pengguna. Para pengguna boleh menggunakan pengimbas suhu bagi memastikan tahap kesihatan masing-masing. Antara kebaikan pengimbas suhu inframerah termasuklah menjimatkan masa, mengurangkan kerja pentadbiran dan memaparkan bacaan yang lebih tepat.

(Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia)





## Mesin Angio – CT Hibrid

Mesin Angio – CT Hibrid ialah sebuah alat yang menggunakan teknologi terbaru, iaitu angiografi dan imbasan tomografi berkomputer (CT Scan). Hospital Selayang merupakan hospital pertama di Malaysia yang menyediakan kemudahan peralatan perubatan bagi meningkatkan keupayaan rawatan pelbagai penyakit melalui kaedah intervensi radiologi. Mesin ini mula digunakan di Hospital Selayang sejak tahun 2016 bagi menggantikan perkhidmatan angiografi.

Melalui alat ini, ketepatan diagnosis dan rawatan bagi penyakit tertentu seperti kanser dan tumor dapat ditingkatkan. Sebagai contoh, mesin ini dapat mengesan bahagian yang diserang kanser dengan lebih tepat dan memasukkan ubat pada kawasan tersebut sahaja. Selain berupaya menutup saluran darah bagi mengecilkan tumor, pesakit juga boleh diimbas dengan serta-merta selepas prosedur rawatan dilakukan untuk menilai keberkesanan rawatan yang diterima.

Menurut Dr. Mohd Rizal bin Roslan, Ketua Jabatan Radiologi, Hospital Selayang, jumlah pesakit yang perlu melalui pemeriksaan CT Scan dan angiografi juga dapat ditingkatkan daripada lima orang hingga sepuluh orang sehari. Malah, pesakit juga tidak perlu menunggu terlalu lama bagi mendapatkan rawatan.



Dr. Mohd Rizal bin Roslan  
Ketua Jabatan Radiologi,  
Hospital Selayang.



### Aktiviti

Baca bahan dengan telitinya. Kemudian, kongsikan maklumat yang diperoleh dalam bentuk peta minda dengan warga sekolah.



- 2.1.3 Membaca dan menyampaikan maklumat yang diperoleh daripada bahan bacaan.



## Menulis

B-beep ialah alat komunikasi yang dicipta untuk keselamatan murid-murid. Alat komunikasi yang digerakkan oleh papan pengawal mikro ini boleh dibawa ke mana-mana sahaja kerana saiznya yang kecil, ringan dan ringkas. B-beep ialah alat inovasi yang digunakan bagi memastikan keselamatan anak-anak di sekolah. Alat ini dicipta bagi mengurangkan masa menunggu ibu bapa dan mengurangkan kesesakan trafik di hadapan sekolah. Aplikasi ini disambungkan pada telefon bimbit menerusi Bluetooth.

(Sumber: <http://www.iloveborneo.my>)



## Ayat Penyata

bawa – mana-mana

---

---

---



## Ayat Seruan

kecil – ringan – ringkas

---

---

---

**Ayat Penyata**

Alat – berbunyi – isyarat

---



---



---

**Ayat Perintah**

mengesan – lokasi – anak

---



---

**Ayat Tanya**

Di manakah – menunggu

---



---

**Aktiviti**

Berdasarkan bahan, bina pelbagai ayat tentang penggunaan B-beep.



3.2.2 Membina pelbagai ayat yang betul dan bermakna.



## Penilaian

Anda telah menyertai satu pertandingan inovasi dan mendapat tempat pertama. Ceritakan pengalaman anda dalam bentuk catatan harian.

TEMA  
8

Sains, Teknologi dan Inovasi

# Pertandingan Inovasi Tahun 2014 Peringkat Negeri Perak

**Tempat:** Ipoh, Perak

**Tema:** Kitar Semula

**Hadiah:**

- Tempat pertama: RM250.00
- Kedua: RM150.00
- Ketiga: RM100.00





## Mendengar dan Bertutur

TEMA 8

Sains, Teknologi dan Inovasi

Kejayaan sesebuah perniagaan bergantung pada strategi pemasaran dan komunikasi yang berkesan. Strategi pemasaran dapat membantu melariskan sesuatu produk. Komunikasi yang berkesan boleh disampaikan secara lisan dan bukan lisan.

Blog

E-mel

Pemasaran  
tularLaman  
sesawangStrategi  
Pemasaran  
DigitalRakan  
kongsi

Facebook

(Sumber: [smeinfo.com.my](http://smeinfo.com.my))

## Aktiviti

Berdasarkan bahan, bincangkan strategi bagi memasarkan sesuatu produk. Kemudian, sampaikan kepada rakan anda.



1.4.3 Berkongsi dan bertukar maklumat yang sah dalam komunikasi.



## Membaca

# Papan Iklan Elektronik

TEMA  
8

Medium pengiklanan sangat penting bagi tujuan promosi dan memberikan berbagai maklumat tentang produk atau perkhidmatan. Papan iklan elektronik ialah satu kaedah terkini yang dipasang pada kedudukan yang strategik bagi tujuan pemasaran. Papan iklan elektronik yang mengandungi diod pemancar cahaya atau *Light-Emitting Diode* (LED) digunakan di pusat beli-belah, bank-bank, tempat-tempat awam dan sebagainya.

(Sumber: [www.lgmpc.com.my](http://www.lgmpc.com.my))

Menyampaikan maklumat secara cepat dan pantas seperti maklumat kesesakan atau kemalangan jalan raya.

Menjadikan kawasan tersebut lebih cantik dan gah seiring dengan arus pemodenan.



# Khasiat Susu pada Tubuh

- Membantu proses pembentukan tulang**
- Mengawal tekanan darah**
- Menghasilkan tenaga**
- Mencegah anemia**
- Melindungi jantung**

## Fungsi Papan Iklan

Menyampaikan iklan.

Mempromosikan sesuatu produk.

Memudahkan pembaca untuk mengetahui mesej yang ingin disampaikan daripada pihak tertentu.



**Info**

### Papan Iklan Elektronik

Kandungan pada papan iklan elektronik boleh terdiri daripada slaid statik, video, animasi turutan dan sebagainya. Terdapat pengusaha papan iklan elektronik yang mengenakan kadar sewa yang berpatutan terhadap para peniaga untuk memasarkan produk mereka.



**Aktiviti**

- I. Baca bahan dengan telitinya.
- II. Bincangkan fungsi papan iklan elektronik dan kongsikan maklumat dengan rakan anda.



- 2.1.2 Membaca untuk mendapatkan maklumat yang terdapat dalam pelbagai bahan.



## Menulis

# Butik dalam Talian

Bidang pengiklanan memainkan peranan penting dalam strategi pemasaran. Setiap usahawan perlu kreatif dalam menyediakan iklan agar dapat menambat hati pengguna.

## Baju Kurung Moden



Penghantaran percuma dengan pembelian dua pasang

**RM65.00**

🔥 2 Pasang RM100.00 | Jenis Kain Kapas  
🔥 Kurung Moden 🔥 Terhad



450 Terjual

[Lihat lebih lanjut >](#)



Berbual sekarang



Masukkan ke dalam troli

Beli Sekarang



### Aktiviti

Teliti maklumat yang disediakan. Hasilkan satu ciptaan bahan grafik yang baharu bagi memasarkan produk anda.



3.4.1 Menulis dan mereka cipta bahan grafik.



## Penilaian

Sebagai seorang pembeli, anda perlu bijak membeli barang yang ditawarkan. Berikan tip pembelian supaya anda tidak menjadi mangsa penipuan dalam talian.



TEMA 8

Sains, Teknologi dan Inovasi



Maklumat perlu disimpan sehingga barang yang dipesan telah diterima.


Simpan resit bayaran atau bukti pembelian.

Semak tempoh penghantaran.

Simpan maklumat dan \_\_\_\_\_

Simpan rekod komunikasi \_\_\_\_\_

Simpan nombor telefon \_\_\_\_\_





## Jom Berkommunikasi

TEMA  
8

Sains, Teknologi dan Inovasi


Cari perkataan tersembunyi. Kemudian, bina ayat daripada perkataan tersebut.

K	S	T	R	A	T	E	G	I	W	E	P	R
O	B	R	U	S	A	H	A	W	A	N	R	I
M	T	L	B	Y	I	O	Q	J	L	T	O	S
U	P	R	O	D	U	K	Y	R	D	E	M	A
N	Z	V	R	G	M	B	B	O	I	K	O	L
I	X	B	A	N	T	U	R	B	N	N	S	A
K	O	S	N	C	N	T	I	O	O	O	I	H
A	R	I	G	O	K	I	K	T	V	L	P	V
S	G	T	P	E	Z	K	L	I	A	O	K	S
I	L	I	T	A	R	S	A	K	S	G	L	T
W	R	E	S	I	T	I	N	S	I	I	A	O
I	J	D	Q	A	P	L	I	K	A	S	I	K

KOS	ROBOTIK	BLOG
STOK	INOVASI	RISALAH
USAHAWAN	TEKNOLOGI	IKLAN
PRODUK	LITAR	BUTIK
PROMOSI	APLIKASI	BORANG
RESIT	KOMUNIKASI	STRATEGI

# Tema 9

# Politik



1. Apakah peranan dan tanggungjawab anda kepada negara?
2. Bagaimanakah kita menzahirkan semangat cinta akan tanah air?
3. Sejauh manakah jati diri mampu membendung ancaman anasir luar?



Mendengar dan Bertutur

## Program Jati Diri

Rashid, Netra dan Sue An mengikuti Program Memperkasa Jati Diri yang diadakan di Pulau Langkawi, Kedah. Banyak ilmu dan maklumat yang diperoleh oleh mereka, terutamanya tentang peranan dan tanggungjawab sebagai warganegara.

### Peranan dan Tanggungjawab Warganegara

Menjaga adab sopan bagi mengekalkan keamanan.

Menjaga nama baik negara.

Menjaga keamanan.

Menyumbang usaha untuk membangunkan negara.

Mengundi.  
Berterima kasih kepada pemimpin.

Sebagai warganegara, kita bertanggungjawab memberikan sumbangan dan usaha untuk membangunkan negara yang kita cintai.



Pendidikan



Ekonomi



Penyelidikan



Kemahiran industri



Inovasi dan reka cipta



Sukan



### Aktiviti

Bagaimanakah anda boleh menunjukkan sikap bertanggungjawab pada negara? Bincangkan.



- I.I.2 Memberi respons dengan yakin dan sopan terhadap maklumat yang diterima.



## Membaca

# Mari mengundi

Sebagai warganegara yang bertanggungjawab, Rashid telah mendaftar sebagai pengundi. Beliau ingin mengetahui proses yang dilalui semasa mengundi. Oleh hal yang demikian, beliau telah melayari laman web Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR).

## Daftar Mengundi

### Pengumuman

Warganegara Malaysia yang berumur 21 tahun pada atau sebelum 1 Januari dan bermastautin di sesuatu bahagian pilihan raya boleh mendaftar sebagai pengundi.

### Tempat mendaftar

- Pejabat Pilihan Raya Negeri, pejabat pos
- Pendaftaran bergerak di tempat-tempat umum.
- Pendaftaran secara dalam talian melalui laman web <https://mysprdaftar.spr.gov.my/>



Objektif Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)

- Memelihara, mengawasi dan mengekalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen di Malaysia menerusi pilihan raya yang adil dan saksama.



1. Masuk apabila dibenarkan oleh polis yang mengawal di pintu masuk.




3. Maju ke petak undi dan buat tandaan ruangan calon pada kertas undi anda. Pilih satu calon sahaja.

5. Keluar segera dari tempat mengundi.

2. • Berikan kad pengenalan atau dokumen diri dan slip semakan kepada kerani pengundian pertama. Kerani pengundian akan membuat tanda pada nombor dan nama anda dalam buku daftar pemilih. Kemudian, nama anda akan dipanggil.
- Bergerak ke tempat kerani pengundian kedua. Letakkan jari tangan di atas pad dakwat kekal untuk calitan.
- Ambil kertas undi daripada kerani pengundian ketiga.



Kerani pengundian



4. Masukkan kertas undi ke dalam peti undi, iaitu Dewan Undangan Negeri dan Parlimen.



Semua proses pengundian diperhatikan oleh ejen-ejen calon yang bertugas.

Sekiranya ada sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan, sila rujuk ketua tempat mengundi.

(Sumber: [www.spr.gov.my/](http://www.spr.gov.my/))



### Aktiviti



- 2.I.2 Membaca untuk mendapatkan maklumat yang terdapat dalam pelbagai bahan.

Berdasarkan pelbagai bahan, baca dan jelaskan proses yang perlu dilakukan oleh seorang warganegara untuk mengundi di Malaysia.

**Menulis**

Baca dan jawab soalan.



# Tanggungjawab Warganegara

Murid-murid merupakan pemimpin negara pada masa akan datang. **Antara agenda-agenda** utama pendidikan negara adalah membentuk murid-murid menjadi warganegara yang cemerlang. Pendidikan yang diterima sewajarnya mampu menyedarkan mereka tentang peranan dan tanggungjawab sebagai warganegara di negara demokrasi.

**Setiap warganegara-warganegara** boleh bersuara untuk menyampaikan pandangan dalam menentukan kerajaan melalui hak mengundi setelah mencapai umur 21 tahun. Pada peringkat ini, mereka boleh menyumbang dalam usaha untuk membangunkan negara melalui semangat, tenaga dan pemikiran yang bernes.

Mereka juga harus bertanggungjawab menjaga keamanan negara, di samping menjaga dan mengekalkan **segala kemudahan-kemudahan** awam yang disediakan. Selain itu, setiap warganegara bertanggungjawab menunjukkan tingkah laku yang baik dan beradab sopan demi negara. Dengan itu, negara dan **para pemimpin-pemimpin** akan dihormati. Sebagai penghargaan kepada pemimpin dan negara, warganegara sewajarnya tahu untuk berterima kasih.

**Aktiviti**

Berdasarkan bahan, betulkan kesalahan penggunaan kata ganda yang berhuruf tebal.





Mendengar dan Bertutur

## Tanah Airku

Kelab Rukun Negara sekolah anda akan mengadakan sambutan Minggu Patriotik sebagai satu usaha menyemai rasa cinta terhadap tanah air.

TEMA  
9

Politik

Melawat tempat-tempat bersejarah.

Menerapkan elemen patriotisme di sekolah.

### Cara-cara Menyemai Semangat Patriotik

Mengekalkan warisan bangsa dan negara.

Kempen semangat patriotik menerusi media massa.

Mengenang jasa tokoh-tokoh pejuang tanah air.



Teliti bahan yang dipaparkan. Kemudian, sampaikan maklumat tentang cara menyemai semangat patriotik kepada rakan anda.

#### Aktiviti



I.3.1 Menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara.



Membaca

TEMA  
9

Politik

## Nusa Tercinta

### Berjiwa Patriotik

Negaraku yang tercinta  
aku bangga menjadi wargamu  
meskipun tidak pernah  
menjulang senjata  
seperti pahlawan terdahulu  
tapi semangat waja  
terus mengalir dalam darah.

Negaraku yang tercinta  
biar peluru menembus tulang  
biar senjata tingkah-meningkah  
biar tubuh berbalut darah  
aku rela menjadi wira  
menghapus musuh  
petualang negara.

Negaraku yang tercinta  
sungguh aku berjanji  
akan setia berbakti  
tanpa jemu dan sangsi  
demimu pertiwi.

Nukilan,

Zaihanim Zainal Abidin

## Pewaris

Nukilan: *Nursyara Zulaikha*

“Buku apa yang awak pinjam itu, Anuar?” soal Gobind.

“Novel sejarah. Kisah pejuang negara. Tadi, Cikgu Asmidar membawa kami ke pusat sumber. Cikgu Asmidar tunjukkan buku ini. Dia bercerita tentang sejarah tanah air kita. Saya meminjam buku ini kerana tertarik dengan cerita Cikgu Asmidar itu,” balas Anuar.

“Wah, bagusnya! Saya pun hendak membaca novel itu,” tambah Kim pula.

“Novel ini tentang pejuang tanah air yang gigih menuntut kemerdekaan. Mereka telah berkorban demi tanah air tercinta,” ujar Anuar lagi.

“Begitu besar jasa para pejuang tanah air kita,” tambah Kim pula.

“Pada pendapat kalian, bagaimakah cara kita dapat mengekalkan kemerdekaan yang telah dicapai oleh para pejuang terdahulu?” tanya Gobind.

“Sebagai generasi pewaris kemajuan, kita perlu berganding bahu dan saling menghormati bagi mengekalkan keamanan negara,” balas Anuar.

“Saya berpendapat, kita perlu bersatu hati supaya semangat cinta akan tanah air dapat dihayati,” ujar Kim lagi.

“Saya bersetuju dengan pendapat kamu berdua. Sudah tiba masanya, kita sebagai anak muda mempunyai sikap bertanggungjawab mempertahankan tanah air,” tambah Gobind.

“Semangat muhibah yang kita bina menjadi pemangkin dalam menghadapi ancaman musuh negara,” ujar Kim bersemangat.

“Sudah tentu. Bukankah ini tanah air kita? Negara kita, tanggungjawab kita,” balas Gobind dan Anuar serentak.



### Aktiviti

- I. Berdasarkan sajak dan cerpen yang dibaca, kemukakan maklumat menggunakan laras bahasa yang sesuai.
2. Nyatakan nilai murni yang terdapat dalam kedua-dua bahan.



- 2.1.4 Menyampaikan maklumat daripada pelbagai bahan yang dibaca dengan laras bahasa yang sesuai.

## Terus Berjuang

- Rusli: Awak ingin jadi tentera? **Mengapakah** awak mahu korbankan masa remaja semata-mata untuk menjadi **tentera**?
- Danial: Sejak kecil lagi saya bercita-cita untuk menjadi seorang anggota tentera dan ingin berjasa kepada tanah air. Sebagai seorang anak muda, saya bertekad untuk berbakti kepada tanah air.
- Rusli: **Harap** awak berfikir masak-masak, Danial. **Jangan** terburu-buru membuat keputusan.
- Danial: Ya, ini keputusan saya. Ibu saya juga telah merestui keputusan saya.
- Siva: **Adakah** awak mahu mengikut jejak arwah ayah awak, Danial?
- Danial: Ya, betul, Siva. Selain ingin berbakti kepada negara, saya ingin menjadi seperti arwah ayah saya. Beliau seorang wira negara.
- Rusli: **Oh**, begitu rupanya! Baru saya faham. Maafkan saya kerana tidak bersetuju dengan pendapat awak tadi, Danial.
- Siva: **Syabas**, Danial! Saya bangga kerana mempunyai **sahabat** seperti awak.



Aktiviti

Bina ayat berdasarkan perkataan berhuruf tebal.





## Penilaian

- A. Perihalkan sumbangan tokoh yang terdapat dalam gambar.



**Rosli Dhoby**

Pejuang kemerdekaan dari Sarawak yang menentang penjajahan British.



**Ontoros Antanom**

Pahlawan Murut yang berjiwa kental. Menyatukan suku kaum Murut dan menentang Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBUG).



**Ibu Zain**

Tokoh pendidik dan politik wanita terkenal.



**Tok Janggut**

Menentang penjajah British di Kelantan yang memperkenalkan cukai kepada petani.

B. Lengkapkan pantun berikut.



Pohon kemiri si pohon kelapa,  
Manakan sama si pohon jati;  
Jati diri usah dilupa,  
Kekal tersemat di dalam hati.

\_\_\_\_\_  
Bawa bersama ubi sengkuang;  
Buat pedoman generasi muda,  
Mengenang jasa tokoh pejuang.

Anak petani membawa peria,  
\_\_\_\_\_  
Hormat-menghormati amalan mulia,  
Hidup sentosa kekal harmoni.

\_\_\_\_\_  
Bersatu hati saling membantu,  
Negara aman hidup bahagia.

Beras pulut di atas para,  
Masak bersama beras jawi;



Bawa bersama daun lemuni;

Berbuat jasa kepada negara,  
Bukti cinta kepada pertiwi.

Turun ke laman memetik lada,

Tumbuh melati di tepi batu,  
Mekar di taman bunga dahlia;

# Membendung Anasir Luar



## Mendengar dan Bertutur

## Hindari Budaya Asing

Pengaruh budaya asing yang disebarluaskan melalui media massa dan media elektronik telah mempengaruhi remaja di negara kita. Mereka mudah meniru perlakuan negatif yang tidak bersesuaian dengan budaya tempatan. Pelbagai usaha perlu dilakukan bagi membendung anasir luar ini.

Lembaga Penapis Filem (LPF) harus menapis filem-filem.

Pemantauan pihak berkuasa.

Filem aksi ganas.

Hiburan yang melampau.

### Hindari Budaya Asing yang Negatif

Pergaulan bebas.

Cara pemakaian.

Pengawasan ibu bapa.

Promosi pakaian mengikut kebudayaan setempat.



### Aktiviti

Berpandukan bahan, bincangkan usaha yang perlu dilakukan untuk menghindari budaya asing yang negatif.



- 1.I.3 Berkommunikasi dengan berkesan tentang sesuatu topik dalam kehidupan harian.

Membaca



## Syair Sejahtera Malaysia

TEMA  
9

Politik

Jadilah warganegara berjasa,  
Berbaktilah kepada nusa bangsa,  
Menjadi ingatan setiap masa,  
Negara maju aman sentosa.

Berbilang bangsa harus sepakat,  
Segala usaha biar muafakat,  
Tidak mengira darjah dan pangkat,  
Agar hidup mendapat berkat.

Mengatur langkah tangan berganding,  
Segala masalah elok dirunding,  
Lebih dan kurang usah dibanding,  
Semuanya sempurna sama setanding.

Sayangi Malaysia ibu kandung,  
Kedaulatan negara kita dukung,  
Anasir luar dapat dibendung,  
Bumi dipijak, langit dijunjung.

Bersatu padu jangan berpecah,  
Amalan budaya jiwa pasrah,  
Hidup sejahtera tidak berbalah,  
Itulah Malaysia negara muhibah.

Nukilan:  
*Asmah Abdul Hamid*

*Junjung selamanya*



IMBAS SAYA

Keamanan sesebuah negara sangat penting untuk membolehkan rakyat hidup harmoni.

## Kepentingan Mengekalkan Keamanan Negara

Mengekalkan kemerdekaan.

1. Baca dan fahami bahan.
2. Berikan pendapat anda tentang kepentingan menjaga keamanan negara. Bentangkan dalam bentuk slaid.



### Aktiviti



- 2.2.2 Membaca, membuat kesimpulan dan menyampaikan maklumat daripada pelbagai bacaan yang dibaca.



## Menulis

## Remaja Berwawasan

Remaja merupakan aset negara yang amat berharga. Mereka menjadi pelapis generasi cemerlang dan berwawasan dalam masyarakat. Remaja berwawasan perlu memiliki akhlak yang mulia. Remaja yang berakhlak mulia tidak akan mudah terjebak dengan anasir luar. Mereka sudah pasti dapat membezakan antara yang baik dengan yang buruk, bak kata peribahasa, yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan.

Remaja berwawasan juga perlu melengkapkan diri dan menguasai kemahiran dalam pelbagai disiplin ilmu. Apabila seseorang remaja mempunyai ilmu pengetahuan yang mencakupi semua bidang, mereka dapat berfikir dan membuat sesuatu keputusan secara bijak dan rasional.

Selain itu, remaja berwawasan perlulah bersemangat patriotik. Mereka akan berusaha menjaga dan mengharumkan nama negara. Mereka dapat mengekalkan perpaduan negara yang sedia terjalin, di samping mengeratkan ukhuwah sesama manusia tanpa mengira bangsa dan agama.

Oleh hal yang demikian, penerapan nilai murni hendaklah disemai dalam jiwa kanak-kanak dan remaja, ibarat kata pepatah, melentur buluh biarlah dari rebungnya.



Pindahkan isi penting yang terdapat pada bahan di atas dalam bentuk peta pemikiran.

## Aktiviti





## Jom Berkommunikasi

A. Lakukan simulasi di bawah.

### Kad Cabaran

1. Dalam satu kumpulan ada empat orang murid.
2. Ketua kumpulan (murid A) mengambil kad arahan di dalam kotak.
3. Murid A membaca soalan pada kad arahan.
4. Murid B menjawab soalan yang dibacakan.
5. Murid C menambah jawapan yang diberikan.
6. Murid D menambah idea atau jawapan yang lain dan merumuskan jawapan.

Contoh tugas dalam kad arahan:

1. Jelaskan prinsip Rukun Negara.
2. Nyatakan tanggungjawab seorang warganegara.
3. Terangkan cara menyemai semangat patriotik.



TEMA  
9

Politik

B. Berdasarkan gambar, hasilkan sebuah sajak.



- Malaysia tanah airku.
- Sayangi Malaysia.



- Rakyat bersatu tidak mengira bangsa dan agama.
- Hidup aman dan sentosa.



- Melangkah gagah demi pertiwi.
- Semangat patriotik.

## Tema 10

# Isu Semasa



QUIZIZZ

C O  
D E



1. Apakah yang anda faham tentang pembelajaran digital?
2. Mengapakah sikap berintegriti perlu diamalkan?
3. Bagaimanakah cara mencegah jenayah rasuah?



## Mendengar dan Bertutur

## Pembelajaran Digital

Teresa, Salmi dan Malini sedang berbincang dengan Cikgu Rohana tentang pembelajaran secara digital.

- Cikgu Rohana: Cikgu bercadang untuk memberikan tugasan semasa cuti sekolah nanti. Kita akan menggunakan pembelajaran digital.
- Teresa: Bagaimanakah kami boleh mengikutinya, cikgu?
- Cikgu Rohana: Cikgu akan menggunakan aplikasi pengajaran secara interaktif seperti *Edpuzzle*, *Quizizz* dan *Kahoot*.
- Malini: Saya suka, cikgu. Saya berminat dengan kuiz berbentuk permainan seperti *Quizizz*. Sebelum ini pun cikgu pernah mengajar kami menggunakan *Kahoot*.
- Salmi: Saya setuju, Malini. Bagi saya, aplikasi pembelajaran menggunakan video secara interaktif seperti *Edpuzzle* sangat menyeronokkan.
- Cikgu Rohana: Nampaknya Malini dan Salmi bersetuju dengan cadangan cikgu. Bagaimanakah dengan kamu, Teresa?
- Teresa: Cikgu, saya ada masalah capaian Internet. Adakah cara lain untuk saya membuat latihan tersebut?
- Malini: Kamu boleh datang ke rumah saya, Teresa. Kita boleh belajar bersama-sama.
- Cikgu Rohana: Baiklah. Cikgu harap kamu boleh siapkan latihan yang cikgu berikan nanti.



IMBAS SAYA



## Aktiviti

Berdasarkan bahan, bincangkan kelebihan dan kekurangan pembelajaran digital secara berkumpulan.



# Impak Media Sosial


Ketagihan melampau terhadap media sosial dikhawatirkan menjadikan remaja terdedah kepada jenayah siber. Senario ini berpunca daripada keasyikan mereka yang akhirnya menjadi ketagih dengan media sosial.

Tinjauan penulis terhadap beberapa orang murid sekolah menengah mendapati hampir kesemua mereka mempunyai media sosial, sama ada dalam telefon pintar atau komputer. Kesemua mereka mengakui telah banyak menghabiskan masa dengan melayari laman sosial.

Ganesan, 17 tahun menyatakan bahawa sudah menjadi kebiasaan bagi dirinya melayari laman sosial. Kadangkala, dia ditegur oleh ibu bapanya.

"Saya sedar bahawa banyak keburukan dalam laman sosial tetapi tidak mampu menangkisnya. Saya ingin menasihati rakan-rakan supaya mengawal diri daripada menggunakan media sosial," katanya.

Peratus **Statistik Faktor Remaja Melayari Media Sosial Tahun 2015**



Petunjuk:

- █ Berkongsi maklumat peribadi
- █ Tiada pemantauan ibu bapa
- █ Menjadi mangsa dihendap (*stalker*)

- █ Muat naik bahan tidak bermoral
- █ Menyebar maklumat berunsur fitnah
- █ Gurauan melampau

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada [bharian.com.my](http://bharian.com.my))



Berdasarkan bahan, baca dan fahami maklumat tentang impak media sosial dalam kalangan remaja.

## Aktiviti

- 2.1.2 Membaca untuk mendapatkan maklumat yang terdapat dalam pelbagai bahan.



Menulis

# Khidmat Buku Digital

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah melancarkan laman sesawang yang membolehkan orang ramai berpeluang untuk meminjam buku dalam talian secara percuma. Sejajar dengan perkembangan teknologi digital, pihak PNM telah menyediakan kemudahan kepada pengguna untuk meminjam buku digital daripada koleksi yang disediakan.

Pengguna yang hendak membuat pinjaman buku hanya perlu melayari laman <https://pnm.elib.com.my>. Pengguna perlu mendaftarkan butiran maklumat sebagai prosedur peminjaman. Sebaik sahaja selesai mendaftar, pengguna diminta mengaktifkan akaun tersebut dengan menggunakan e-mel. Seterusnya, pengguna boleh mengakses koleksi buku yang disediakan.

Berdasarkan laman sesawang tersebut, pihak PNM menawarkan pinjaman buku dalam talian selama tujuh hari. Terdapat lebih daripada 30 kategori buku disediakan, termasuklah dalam bidang agama, politik, sejarah, motivasi dan perniagaan.



PERPUSTAKAAN NEGARA  
MALAYSIA  
NATIONAL LIBRARY OF MALAYSIA  
فرقوستاكاون نکارا مليسيا



PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
NO. 232, JALAN TUN RAZAK  
50572 KUALA LUMPUR  
ID DPA : 114505MYS140144.B00001

# Panduan Penggunaan *Electronic Library* (eLib) Perpustakaan Negara Malaysia

TEMA  
10

Isu Semasa

- 1 Layari laman sesawang <https://pnm.elib.com.my> dan klik “Daftar” sebagai pengguna.
- 2 Selepas mendaftar, klik “Login”.
- 3 Masukkan kata pengguna dan kata laluan.
- 4 Pilih buku yang ingin anda baca dan klik “Selanjutnya” untuk membaca sinopsis dan meminjam buku tersebut.
- 5 Untuk meminjam buku, klik butang “Pinjam” yang berwarna biru.
- 6 Anda boleh memilih cara untuk membaca sama ada *Cloud Reader*, Peranti *iOS*, *Android* atau *Windows* dengan klik pada butang “Baca”.
- 7 Untuk membaca dalam telefon pintar/tablet/iPad, anda perlu memuat turun aplikasi PNM e-Reader di *Google Playstore* (untuk peranti versi *Android*) atau di *App Store* (peranti versi *iOS/Apple*).
- 8 Klik butang “Pinjam” untuk melihat e-buku pinjaman anda.
- 9 Klik pada kulit e-buku yang terpapar untuk memuat turun e-buku tersebut. Setelah selesai muat turun, e-buku anda tersedia untuk dibaca.

(Sumber: Perpustakaan Negara Malaysia)



Aktiviti

Tulis e-mel kepada rakan anda untuk berkongsi maklumat di atas.



3.3.1 Menulis untuk menyampaikan maklumat yang tepat menggunakan bahasa yang santun.



## Penilaian

Maklumat peribadi yang dikongsi dalam talian boleh mendedahkan anda kepada risiko menjadi mangsa jenayah siber. Anda dinasihatkan supaya mengehadkan perkongsian maklumat tersebut dalam laman sosial. Sekiranya anda telah menjadi mangsa jenayah siber, tulis laporan dalam bentuk khidmat pesanan ringkas (SMS).

**Laporkan Jenayah Siber Melalui:**

1-300-88-2999



cyberqqq@cybersecurity.my



03-80087000



CYBERJAYAQQQ REPORT



## Mendengar dan Bertutur

## Sifat Terpuji

Ammer merupakan seorang posmen yang pernah terbabit dalam kemalangan jalan raya. Kejadian tersebut berlaku ketika dia dalam perjalanan untuk menghantar surat ke kawasan perumahan di Kajang, Selangor. Keadaan jalan yang licin menyebabkan motosikal Ammer hilang kawalan. Ammer tercampak di tepi jalan. Dia mengalami kecederaan di bahagian kaki dan tangan.

Dalam keadaan cedera, Ammer sempat mencapai kunci motosikal. Dia membuka peti penyimpanan surat di motosikalknya. Dia mencapai surat berdaftar yang sepatutnya dihantar pada hari itu. Dia berusaha untuk menghubungi pemilik surat tersebut sebelum menerima rawatan di klinik berhampiran.



## Aktiviti

Berdasarkan bahan, sampaikan maklumat tentang sifat terpuji yang patut anda contohi.



I.3.1 Menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara.



## Membaca

# Budaya Integriti

Sambutan Hari Polis diadakan pada tanggal 25 Mac setiap tahun. Warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengadakan beberapa aktiviti seperti perbarisan dan bacaan ikrar bagi meraikan ulang tahun penubuhan pasukan PDRM.

## Ikrar Integriti

Kami, rakyat Malaysia yang merdeka dan berwawasan, dengan tulus dan suci hati berikrar, memantap dan memperkuuh maruah dan integriti kami, keluarga dan masyarakat, agama, bangsa dan negara kami.

Ke arah itu, kami berikrar:

- Mematuhi sepenuhnya Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang;
- Mematuhi dan mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara;
- Mempertingkatkan integriti dengan mengamalkan nilai-nilai murni dan beretika;
- Bekerjasama sepenuhnya dengan mana-mana pihak untuk mencegah sebarang perlakuan jenayah, salah laku dan perbuatan tidak berintegriti;
- Menyokong dan bekerjasama bagi mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang menggugat integriti masyarakat dan negara; dan
- Membudayakan integriti sebagai amalan hidup harian secara individu dan berpasukan.



(Sumber: Institut Integriti Malaysia)

## Gurindam Integriti PDRM

Dengarlah semua rakyat jelata,  
Polis Diraja empunya cerita.

Dahulu dipanggil mata-mata,  
Tempat kerjanya merata-rata.

Di hutan belantara dan bandar raya,  
Polis sentiasa nampak bergaya.

Sang Saka Biru lagu keramat,  
Pasukan polis sedia berkhidmat.

Kerja polis tak tentu masa,  
Pastikan negara kita aman sentosa.

Melangkah gagah muncurah bakti,  
Tugas dilaksana penuh integriti.

Khidmat baktimu disanjung tinggi,  
Jujur amanah tersemat di hati.

Polis dan rakyat perlu sepakat,  
Kelak integriti dapat dipertingkat.

Nukilan:

*Asmah Abdul Hamid*



1. Berdasarkan bahan, baca dengan laras bahasa yang sesuai.
2. Fahami kandungan ikrar dan gurindam yang disediakan. Kongsi maklumat tentang integriti yang terdapat dalam bahan dengan rakan sekelas anda.



### Aktiviti



- 2.1.4 Menyampaikan maklumat daripada pelbagai bahan yang dibaca dengan laras bahasa yang sesuai.

# Pasar Raya Pak Sanip

TEMA  
10

Isu Semasa



Menulis

## Wahana Integriti

Pak Sanip seorang usahawan berjaya di kampungnya. Beliau membuka sebuah pasar raya sejak bersara daripada perkhidmatan kerajaan. Pak Sanip menceburi bidang perniagaan untuk menambahkan pendapatan keluarga. Sungguhpun menerima pencen bulanan, beliau tetap gigih berusaha memajukan perniagaannya.

Pasar raya Pak Sanip beroperasi dari pukul 6:30 pagi hingga 10:00 malam. Beliau telah menggaji beberapa orang belia di kampungnya untuk bekerja dengannya. Peluang yang diberikan oleh Pak Sanip membolehkan mereka bekerja sambil belajar tentang selok-belok perniagaan.

Pak Sanip mengamalkan sifat jujur dan amanah dalam urusan jual beli. Beliau sangat disenangi masyarakat setempat kerana suka menolong orang yang dalam kesusahan. Beliau bukan sahaja baik hati tetapi pemurah.

Pak Sanip bercita-cita untuk meluaskan perniagaannya dengan membuka beberapa cawangan pasar raya. Beliau berharap ada pihak yang memberikan sokongan serta bantuan modal bagi merealisasikan impianya.



Kata hubung digunakan untuk menghubungkan klausa, ayat, frasa atau perkataan untuk membentuk ayat majmuk. Contoh: dan, kerana, tetapi, sambil dan lain-lain.



Berdasarkan teks, kenal pasti kata hubung. Kemudian, bina ayat daripada kata hubung tersebut.

Aktiviti



3.2.1 Membina ayat dengan menggunakan golongan kata.



## Penilaian

A. Bincangkan isu integriti berpandukan situasi yang ditunjukkan.

TEMA  
10

Isu Semasa



Seorang pemandu kereta memandu ketika jalan lengang. Sewaktu melalui lampu isyarat, beliau tidak berhenti ketika lampu isyarat berwarna merah.



Khairul hendak membeli minuman di kios layan diri. Dia perlu memasukkan wang mengikut harga minuman tersebut ke dalam kotak atau tabung yang disediakan. Walau bagaimanapun, dia telah mengambil minuman tersebut tanpa membuat bayaran.

B. Bina ayat menggunakan perkataan dan rangkai kata yang disediakan.

## Berintegriti

Adil

Jujur

Telus

Amanah

Berhemah

Rasuah

Khianat

Ponteng

Salah laku

Pecah amanah

## Tidak Berintegriti

# Pencegahan Rasuah



Mendengar dan Bertutur

## Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ialah sebuah pertubuhan kerjaan yang mula beroperasi pada 1 Oktober 1967. SPRM dahulunya dikenali sebagai Badan Pencegah Rasuah (BPR). Perubahan nama BPR kepada SPRM bertujuan untuk meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan ketelusan tindakan pencegahan rasuah di Malaysia.

TEMA  
10

Isu Semasa

### Lagu Korporat SPRM

Kita berbakti dengan setia  
 Bersama sepakat dan sekata  
 Kepada rakyat dan negara  
 Tidak pernah terlupa  
 Itu ikrar kita

Kuberikan khidmat dengan megah  
 Kutaburkan bakti dengan rela  
 Menyiasat dan membasmi rasuah  
 Itu amanah kita menjalankannya

Jangan kita gentar  
 Segala cabaran  
 Mara kita ke hadapan  
 Walau seribu rintangan

Mendukung hasrat semua warga  
 Sedia berkorban apa saja  
 Berganding bahu kita bersama  
 Berkhidmat untuk bangsa  
 Malaysia jaya

Lagu: Datuk Johari Salleh  
 Lirik: Datuk Johari Salleh



IMBAS SAYA

(Sumber: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia)



Aktiviti

Berdasarkan bahan, bincangkan fungsi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bersama-sama dengan rakan anda.



- 1.3.3 Memberi pandangan dengan menggunakan maklumat yang sah semasa berkomunikasi.




# Rasuah Musuh Negara

Gejala rasuah di Malaysia pada hari ini amat membimbangkan. Pada setiap tahun, kes tangkapan yang berkaitan dengan rasuah semakin meningkat. Hal ini sangat membahayakan bukan sahaja kepada individu, malah terhadap masyarakat dan negara.

Analisis menunjukkan bahawa terdapat lebih 20 000 maklumat berkaitan dengan rasuah telah diterima oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) antara tahun 2013 hingga 2018. Carta pai berikut menunjukkan 94.97% gejala rasuah disebabkan oleh kegagalan pentadbiran, konflik kepentingan, kelemahan dalaman dan tidak patuh serta kurang ketelusan.

**Statistik gejala rasuah antara 2013 hingga 2018 di Malaysia.**



(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Laporan Pelan Antirasuah Nasional 2019 – 2023 dan SPM)

## Langkah-langkah Mengatasi Gejala Rasuah

Penerapan nilai-nilai murni.

Penubuhan SPRM.

Mempermudah urusan dengan menggunakan kemudahan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK).

Pendedahan awal tentang bahaya rasuah sejak di bangku sekolah.

Kempen kesedaran.

Penguatkuasaan undang-undang dan hukuman.



Berdasarkan bahan, nyatakan kesimpulan tentang gejala rasuah. Sampaikan maklumat tersebut dalam bentuk risalah.

### Aktiviti



- 2.2.2 Membaca, membuat kesimpulan dan menyampaikan maklumat daripada pelbagai bacaan yang dibaca.



## Menulis

# Kempen Pencegahan Rasuah

Kelab Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah Kebangsaan Cempaka Sari bercadang untuk mengadakan Program Kesedaran Pencegahan Rasuah pada 7 hingga 11 Julai 20□□. Program tersebut akan diadakan di Dataran Munsyi.

Objektif program ini adalah untuk:

1. Memberikan pendedahan kepada murid tentang keburukan gejala rasuah.
2. Menerapkan nilai-nilai murni, etika dan integriti dalam kalangan murid.
3. Menyediakan murid sebagai ejen menyebarkan maklumat berkaitan dengan pencegahan rasuah.

Pelbagai aktiviti akan diadakan sepanjang program seperti pertandingan melukis poster, pertandingan berbalas pantun dan pertandingan dikir barat.



## Aktiviti

Berdasarkan bahan, sediakan bahan grafik tentang Program Kesedaran Pencegahan Rasuah yang menarik dan kreatif.






## Jom Berkommunikasi

- A. Gejala rasuah dalam sukan bola sepak semakin membimbangkan.  
Berikan pendapat anda.



TEMA  
10

Isu Semasa



- B. Anda berminat untuk mengambil bahagian dalam pertandingan menghasilkan folio anjuran Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Selangor. Bentangkan hasil kreativiti tersebut.

## Pertandingan Reka Cipta Folio Peringkat Daerah Hulu Selangor

**Pertama:**

Wang tunai RM500.00

**Hadiah:****Kedua:**

Wang tunai RM300.00

**Ketiga:**

Wang tunai RM200.00

**Hadiah Sagu Hati:**

Wang tunai RM100.00 (10 pemenang)

**Syarat Pertandingan:**

- Terbuka kepada semua murid sekolah menengah.
- Penyertaan secara berkumpulan yang terdiri daripada tiga orang murid. Setiap kumpulan hendaklah dibimbing oleh seorang guru penasihat atau penjaga.
- Peserta dikehendaki memilih satu tema sahaja.

- Penyertaan hendaklah dihantar dalam bentuk folio tidak melebihi 25 muka surat dan ditulis dalam bahasa Melayu.
- Penilaian folio berdasarkan kandungan, persembahan dan kreativiti.
- Penyertaan hendaklah menggunakan borang penyertaan yang lengkap.
- Tarikh tutup penyertaan pertandingan adalah pada 1 Julai 20 ■ ■.

**Semua peserta akan menerima sijil penyertaan.**

# GLOSARI

*arka* cahaya yang berkilau yang terhasil di udara akibat ternyahnya cas elektrik di antara dua elektrod atau litar elektrik bertekanan tinggi yang terputus.

*biodiversiti* kepelbagaiannya spesies tumbuhan dan haiwan dalam persekitaran semula jadinya.

*busana* pakaian yang lengkap dan indah-indah, perhiasan.

*demokrasi* 1. pemerintahan oleh rakyat atau wakil yang dipilih dalam pilihan raya;  
2. unit politik atau sosial yang pada dasarnya dikuasai oleh semua anggotanya;  
3. keadaan sosial tanpa perbezaan keistimewaan kelas.

*demonstrasi* penerangan, peragaan, tentang cara kerja sesuatu mesin, keluaran, dll.

*destinasi* tempat yang dituju dalam perjalanan atau tempat penerimaan sesuatu (surat, barang, dan lain-lain yang dikirim).

*ekspedisi* perjalanan atau pemergian ke sesuatu tempat untuk menyiasat (mencari, menemui).

*emosi* perasaan jiwa yang kuat seperti sedih, gembira, takut dan lain-lain.

*entiti* sesuatu yang mempunyai kewujudannya yang tersendiri.

*etnik* masyarakat manusia mempunyai kelompok.

*festival* pesta atau kegiatan yang berupa kempen, promosi atau pertandingan, biasanya secara bersiri, dengan konsep dan tujuan yang tersendiri.

*gelandangan* orang yang pekerjaannya atau tempat tinggalnya tidak tetap.

*geligin* kayu pada perkakas tenun tempat menggulung benang, gelendong benang.

*grafik* maklumat atau paparan yang terdiri daripada lukisan, gambar rajah, simbol dan lain-lain.

*herba* tumbuhan kecil yang batangnya tidak berkayu, daunnya dapat dibuat makanan, ubat dan pewangi.

*hibrid* 1. haiwan atau tumbuh-tumbuhan yang terhasil daripada kacukan dua organisme yang berlainan jenis atau spesies; 2. sifat sistem komputer yang terbentuk daripada gabungan beberapa teknologi yang berlainan.

*interaktif* 1. saling bertindak, berhubung dan sebagainya antara satu sama lain;  
2. membolehkan pengaliran maklumat dua hala yang berterusan antara komputer dengan penggunaannya, atau antara pengguna dengan pengguna melalui komputer.

*keringkam* selendang.

*kolaboratif* erat (dari segi kerjasama antara dua pihak ataupun lebih).

*kompos* baja daripada bahan-bahan organik seperti daun, kayu, tahi binatang, dan lain-lain yang telah reput.

*kraf tangan* perusahaan (kerja, seni dan sebagainya) yang memerlukan daya cipta dan kemahiran menggunakan tangan.

*memori* kenangan, ingatan.

*mempulur* isi atau bahagian yang lembut dalam batang tumbuh-tumbuhan jenis palma seperti kelapa, pinang dll; empulur I.

*mikroorganisma* organisma yang sangat kecil dan dapat dilihat hanya dengan menggunakan mikroskop.

*modul* unit atau bahagian tersendiri yang lengkap dengan komponennya.

*motif* sesuatu yang dijadikan dasar atau corak pada lukisan (ukiran dan lain-lain).

*motivasi* keinginan yang keras atau semangat yang kuat pada diri seseorang yang mendorongnya untuk berusaha melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan.

*patriotik* mencintai dan mempertahankan kedaulatan negara.

*resipi* senarai bahan (ramuan) dan peraturan yang diperlukan dalam menyediakan sesuatu masakan atau makanan.

*riadah* gerak badan, senaman.

*risalah* surat edaran (siaran).

*santai* dalam keadaan rehat dan bebas.

*skuba* alat yang terdiri daripada set pernafasan dan silinder udara mampat yang digunakan oleh penyelam untuk membantunya bernafas semasa berada di bawah permukaan air (laut dan sebagainya).

*strategi* rancangan yang teratur untuk mencapai matlamat atau kejayaan.

*tekat* sujian, sulaman.

*transisi* peralihan dari satu keadaan, tempat dan lain-lain kepada yang lain.

*warkah* surat.

# SENARAI RUJUKAN

Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017. *Garis Panduan Program Transisi ke Kerjaya Murid Berkeperluan Khas*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Mohd Ridzwan Iman. "Era Kenderaan Hijau" dlm. *Estidotmy* Edisi 90, hlm. 24-25, Ogos, 2009.

Nik Safiah Karim, et.al 2016. *Tatabahasa Dewan Edisi Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Safiah Karim, et.al 2008. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## Laman sesawang

- |   |   |
|---|---|
| <a href="https://www.forestry.gov.my/my/biodiversiti">https://www.forestry.gov.my/my/biodiversiti</a> | <a href="https://www.malaysia.travel">https://www.malaysia.travel</a>               |
| <a href="https://www.marinepark.dof.gov.my">https://www.marinepark.dof.gov.my</a>                     | <a href="https://www.moe.gov.my">https://www.moe.gov.my</a>                         |
| <a href="https://www.sprm.gov.my">https://www.sprm.gov.my</a>   | <a href="https://www.orienteering.org">https://www.orienteering.org</a>             |
| <a href="https://www.pnm.gov.my">https://www.pnm.gov.my</a>   | <a href="http://www.parlimen.gov.my">http://www.parlimen.gov.my</a>                 |
| <a href="https://www.bharian.com.my">https://www.bharian.com.my</a>                                   | <a href="https://www.peraktoday.com.my">https://www.peraktoday.com.my</a>           |
| <a href="https://www.astroawani.com">https://www.astroawani.com</a>                                   | <a href="https://www.pustaka-sarawak.com.my">https://www.pustaka-sarawak.com.my</a> |
| <a href="https://www.bernama.com">https://www.bernama.com</a>   | <a href="https://www.sabahtourism.com">https://www.sabahtourism.com</a>             |
| <a href="https://www.bharian.com.my">https://www.bharian.com.my</a>                                   | <a href="https://www.smeinfo.com.my">https://www.smeinfo.com.my</a>                 |
| <a href="http://www.g-stars.com">http://www.g-stars.com</a>   | <a href="https://www.theborneopost.com">https://www.theborneopost.com</a>           |
| <a href="https://www.hmetro.com.my">https://www.hmetro.com.my</a>                                     | <a href="https://www.thestar.com.my">https://www.thestar.com.my</a>                 |
| <a href="https://www.imtech.com.my">https://www.imtech.com.my</a>                                     | <a href="https://www.iloveborneo.my">https://www.iloveborneo.my</a>                 |
| <a href="http://www.jkkn.gov.com">http://www.jkkn.gov.com</a>   |   |
| <a href="http://www.jkm.gov.my">http://www.jkm.gov.my</a>   |   |
| <a href="https://www.jomjalan.com.my">https://www.jomjalan.com.my</a>                                 |   |
| <a href="https://www.kraftangan.gov.my">https://www.kraftangan.gov.my</a>                             |   |
| <a href="https://www.maisinggah.com">https://www.maisinggah.com</a>                                   |   |

# INDEKS

A

adat 68-69, 73

D

digital 164-166, 180  
domestik 103, 108

E

eksotik 40  
ekspedisi 52  
emosi 20  
eksotik 40

F

fesyen 124-125  
folio 121, 180

G

grafik 128

I

iklan 133, 140-142, 144  
industri 4-5, 7, 17, 82

K

kraf tangan 43  
kerjaya 79, 84, 112  
keringkam 45

M

memori 33  
modul 50  
motif 44  
motivasi 13, 17, 34, 128

P

patriotik 151  
peranti 128

R

riadah 32  
resipi 29  
refleksologi 80-81, 84

S

SPRM 175-77  
santai 27  
skuba 40  
strategi 139

T

tekat 44

W

warganegara 146, 148-149, 158-159, 161

Dengan ini, **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baiknya dan bertanggungjawab atas kehilangannya, serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

**Skim Pinjaman Buku Teks**

**Sekolah** \_\_\_\_\_

Tahun	Tingkatan	Nama Penerima	Tarikh Terima

Nombor Perolehan: \_\_\_\_\_


Tarikh Penerimaan: \_\_\_\_\_

**BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL**



RM40.00

ISBN 978-983-49-2876-6



9 789834 928766

FTK015001